

Musyawarah bagi terus bangunkan industri halal – PM

UM - 8/5/2007

Oleh RAJA LUVENA
SHARIFUDDIN dan
HAMDEN RAMLI

KUALA LUMPUR 7 Mei – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu konsep musyawarah diadakan antara saintis dan ahli perniagaan Islam bagi mengkaji kaedah membangunkan industri halal global dengan lebih mendalam.

Perdana Menteri berkata, semua pihak perlu bertanggungjawab untuk memastikan integriti halal kekal serta bergerak seajar dengan perubahan industri dan ini hanya boleh dilakukan melalui ilmu pengetahuan.

Jika usaha-usaha itu tidak berlaku, katanya, para peserta industri halal menghadapi risiko ketinggalan dan terlepas daripada potensi tinggi yang ditawarkan oleh sektor tersebut.

“Jika keputusan berasaskan Islam tidak boleh dilakukan dengan cepat dan tepat berhubung soalan yang dikemukakan oleh industri, integriti halal mungkin menjadi usang dan seterusnya hilang.

“Kita tidak boleh dan tidak harus membiarkan ini berlaku,” katanya semasa berucap pada majlis perasmian Forum Halal Sedunia 2007 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini hari ini.

Forum dua hari bertemakan *Mengharmonisasikan Pasaran Halal Global, Pembuatan, Perdagangan dan Pelaburan - Standard, Syariah dan Sains* itu dianjurkan oleh Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC).

Turut hadir, Pengerusi forum, Khairy Jamaluddin dan lebih 500

peserta dari 33 negara.

Majlis tersebut turut menyaksikan upacara menandatangani perjanjian persefahaman (MOU) antara HDC dan Microsoft Malaysia, CIMB Islamic Bank dan Universiti Chulalongkorn dari Thailand.


Ia bertujuan membangunkan sistem teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bagi industri halal, penyaluran penyelesaian kewangan holistik kepada peserta industri dan pembangunan keupayaan, penyelidikan dan standard halal.

HDC yang ditubuhkan tahun lalu, kata Perdana Menteri, kini dalam proses membina keupayaan dan melaksanakan program untuk meneruskan pembangunan industri halal.

Antaranya, jelas Abdullah, ialah dengan melakukan pensijilan halal luar negara berasaskan kepada piawaian dan proses pensijilan Malaysia bagi memanfaatkan industri halal global.

“HDC akan turut menekankan kepentingan pembangunan modal insan dengan memastikan latihan dan pendidikan yang relevan diberikan bagi memastikan tenaga kerja industri dapat menjalankan tugas dengan baik termasuk menawarkan sendiri program latihan berasaskan industri pada hujung tahun ini,” katanya.

Menurutnya, Perikatan Integriti Halal Antarabangsa yang ditubuhkan ke arah mewujudkan suasana harmoni antara negara anggota pula memerlukan asas keanggotaan yang kukuh bagi membolehkannya memainkan peranan mendapatkan konsensus dan menjadi tumpuan negara-negara



ABDULLAH Ahmad Badawi (tengah) bersama Khairy Jamaluddin (kiri) melihat snek serunding DINGS Chicken Floss pada pameran Forum Halal Sedunia 2007 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, semalam.

gara bukan anggota berbincang.

“Saya gembira menyatakan bahawa Forum Halal Sedunia adalah sekretariat kepada perikatan ini.

“Dalam hal ini, Malaysia bangga untuk menyumbang ke arah menjadikan perikatan ini kuat dan berkesan dan kita menawarkan Malaysia sebagai loka-

si hos perikatan,” katanya.

Abdullah seterusnya menyeru semua negara Islam agar meningkatkan pelaburan dalam sektor halal bagi mengambil kesempatan daripada potensi pasaran seramai 1.6 bilion umat Islam dan saiz pasaran pada anggaran lebih AS\$600 bilion (RM2,100 bilion).

“Sektor halal bukan sahaja me-

nawarkan pulangan yang menguntungkan dan nyata tetapi juga merupakan fardu kifayah bagi umat Islam,” ujarnya.

Kata beliau, pelabur tempatan dan antarabangsa dialu-alukan untuk mengambil peluang daripada pelbagai program, inisiatif dan pembangunan infrastruktur yang ditawarkan di Malaysia.